

## Karya Kesusasteraan sebagai satu Manifestasi fungsi Seorang Manusia

*Literature Works as a Manifestation of the Function of a Human Being*

Abdul Halim Ali

[halim.ali@fbk.upsi.edu.my](mailto:halim.ali@fbk.upsi.edu.my)

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

Pengarah Pusat Ulul Albab,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

**Published:** 10 June 2022

**To cite this article (APA):** Ali, A. H. (2022). Karya Kesusasteraan sebagai satu Manifestasi fungsi Seorang Manusia. *PENDETA*, 13(1), 11-25. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.fa.2.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.fa.2.2022>

### ABSTRAK

Makalah ini adalah sebuah analisis konseptual bertujuan membincangkan empat prinsip penting yang mendasari konsep asas teori *Estetika Bersepadu*. Konsep ini menjelaskan bahawa teks kesusasteraan memiliki padanan dengan ciri-ciri penciptaan manusia pertama iaitu nabi Adam a.s. yang dapat mendeskripsi makna keindahan. Penciptaan manusia disifatkan oleh Allah sebagai makhluk yang sempurna (indah) kejadiannya. Kesempurnaan ini tergambar pada proses penciptaan yang berlaku secara sepadu melibatkan unsur fizikal (tanah) dengan unsur dalaman (roh). Manusia juga dibekalkan dengan akal dan ilmu yang menjadikan dirinya makhluk yang sempurna dan indah kejadiannya berbanding dengan seluruh makhluk yang lain. Penciptaan manusia pertama ini juga berkait secara langsung dengan keterangan al-Quran serta realiti fungsinya selaku khalifah bagi menyampaikan perutusan-perutusan Allah (Peciptanya) di atas muka bumi. Berasaskan proses dan hakikat penciptaan manusia inilah diambil sebuah referensi bagi mendeskripsikan konsep keindahan teks kesusasteraan yang dihasilkan pengarang bagi menyampaikan mesej kepada pembaca. Penciptaan manusia memenjelmakan empat aspek penting iaitu keadaman, kesepadan, perkaitan dan keperibadian estetik yang dijadikan prinsip utama teori *Estetika Bersepadu* yang digagaskan oleh Abdul Halim Ali pada tahun 2010. Prinsip-prinsip ini secara holistik dapat menunjukkan bahawa karya kesusasteraan adalah sebuah karya yang indah dan praktikal dalam menjalankan fungsinya menyampaikan perutusan pengarang kepada pembaca sebagaimana fungsi manusia menyampaikan perutusan Sang Pencipta (Allah) kepada semua manusia.

**Kata kunci:** Estetika Bersepadu, karya kesusasteraan, manusia, kesepadan, perkaitan, keadaman

### ABSTRAK

*This paper is a conceptual analysis aimed to discuss four important principles that underlie the basic concepts of Estetika Bersepadu theory. This concept explains that the literary text has a match with the characteristics of the first human creation (Prophet Adam a.s.) which can describe the meaning of beautiful. The creation of human being is described by God as a perfect (beautiful) creature of his creation. This perfection is reflected in the process of its creation which takes place in an integrated manner involving the physical elements (soil) with the inner elements*

(spirit). Human being is also endowed with intellect and knowledge which makes himself a perfect and beautiful creature of his creation compared to all other beings. The creation of the first human being is also directly related to the description of the Qur'an and the reality of its function as a caliph to convey the messages of Allah (His Creator) on earth. Based on the process and fact of human creation, a reference is taken to describe the concept of the beauty of the literary works produced by the author to convey a message to the reader. Human creation embodies four important aspects, namely integrity, coherence, relevance and aesthetic personality which are the main principles of the Estetika Bersepadu theory proposed by Abdul Halim Ali in 2010. These principles can holistically show that a literary work is a beautiful and practical work in carrying out its function of conveying the author's message to the reader as well as the human function that conveys the message of the Creator (Allah) to all human being.

**Keywords:** *Estetika Bersepadu, literary works, human being, integration, relevance, keadaman*

## PENGENALAN

Nabi Adam a.s. ialah makhluk manusia pertama diciptakan Allah SWT. Kisah penciptaan Nabi Adam a.s. banyak diceritakan dalam al-Quran, Hadis dan juga kitab-kitab sejarah Islam. Di antara ayat-ayat al-Quran yang menceritakan kisah seperti yang tertera dalam Surah *at-Tiin*:4 dan Surah *al-Israak*:70. Penciptaan nabi Adam a.s. disebut sebagai penciptaan yang sebaik-baiknya dan kelebihan (kesempurnaan) berbanding dengan makhluk-makhluk yang lain.

Penciptaan makhluk manusia pertama dengan sifat yang sempurna dan diberikan namanya Adam itu terdiri daripada dua unsur iaitu jasmani dan rohani. Dalam bentuk jasmani, al-Quran menyebutkannya dalam beberapa ayat seperti dalam Surah *al-Mukminun*:12, (maksud: dari pati tanah), surah *al-Saffat*:11 (maksud: dari tanah liat dan sebat), Surah *al-Hijr*:28 (maksud: dari tanah yang panas dan berbau), Surah *ar-Rohman*: 14 (maksud: dari tanah keras seperti tembikar), Surah *an-Najm*:32 (Maksud: dari tanah bumi). Pada peringkat akhir penciptaan jasad lalu dimasukkan pula roh sepetimana yang disebut dalam Surah *al-Hijr*:29 (maksud: kemudian bila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaanku), maka hendaklah kamu sujud kepadanya).

Dalam hal penciptaan manusia ini, Haron Din, *et al* (1997) menjelaskan bahawa kejadian manusia adalah sebaik-baik dan seindah-indah kejadian, iaitu keindahan yang teradun daripada unsur jasmani dan rohani. Unsur jasmani manusia (*al-Khalaq*) meskipun indah, namun keindahan itu tidak sempurna kerana itu, ia perlu kepada penyepaduan dengan unsur rohani (*al-Khuluq*), supaya ia benar-benar menepati dengan makna `fi ahsani taqwim` dalam sebaik-baik kejadian. Berdasarkan kepada hakikat kejadian manusia ini, membuktikan proses kesempurnaan dan kemantapan boleh berlaku atau dilakukan secara menyepadukan beberapa unsur menjadi satu yang mantap. Selanjutnya Haron Din menyebutkan;

*Walaupun manusia dicipta daripada dua unsur yang berbeza dan bercanggah, tetapi dengan kekuasaan Allah yang memiliki unsur-unsur dan undang-undangnya telah mencantumkan (menyepadukan-pengkaji) kedua-dua unsur tersebut dalam satu kejadian yang dinamakan manusia. Kegiatan kedua-dua unsur tersebut hanya akan dapat melukiskan `ciptaan` seni hidup yang indah dan bernilai jika berpandukan acuan yang ditentukan oleh Maha Penciptanya.*

(Haron Din, *et al*, 1997:8)

Kesempurnaan kejadian manusia merupakan manifestasi keindahan hakiki bersumberkan daripada keindahan Allah S.W.T. Manusia sebagai makhluk ciptaan yang paling indah (sempurna) ditunjuki Allah S.W.T. kepada manusia bahawa kesempurnaan (keindahan) itu terhasil daripada satu proses yang bersifat kesepaduan. Hal ini juga menjelaskan, keindahan tidak berdiri dan terbangun atas satu unsur, melainkan terikat kepada keperluan kepada unsur lain melengkapannya. Demikian sifat

sesuatu yang diciptakan Allah S.W.T. Oleh kerana itu, keindahan lahir yang ditanggapi dan dinikmati oleh manusia dalam alam maknawi masih dan tetap terkait dengan sumber keindahan yang asal.

Berasaskan keterangan al-Quran dan Hadis serta pandangan ulama, dapat diletakkan suatu keyakinan bahawa sumber rujukan paling utama bagi memahami makna keindahan dan bagaimana cara keindahan itu berhasil sewajarnya dirujuk pada sifat luaran dan dalaman manusia serta proses penciptaannya. Sifat luaran, dalaman dan proses penciptaan ini adalah suatu ciri yang boleh disebut sebagai `keadaman` yang menstruktur dan mendeskripsi makna keindahan. Meneliti hakikat kewujudan nabi Adam a.s. dan proses penciptaannya, dapat dirumuskan empat perkara penting, iaitu;

- a. Manusia merupakan puncak keindahan dalam alam dunia dengan sifat kesempurnaan dalam penciptaannya.
- b. Penciptaannya berlaku berasaskan proses penyepaduan.
- c. Hakikat penciptaannya berkait langsung dengan alam dunia yang diletakkan padanya tugas kekhilafahan.
- d. Hakikat penciptaannya berkait langsung dengan ketetapan Allah SWT yang berkehendak melantik manusia sebagai khlaifah di atas muka bumi.
- e. Hakikat penciptaan manusia berkait langsung dengan keterangan ayat-ayat al-Quran.

## **KEADAMAN TEKS KESUSASTERAAN**

Keindahan seperti yang disebutkan sebelum ini merupakan asas yang mengungguli karya kesusasteraan. Keindahan memiliki daya tarikan yang mendorong pembaca suka kepadanya. Manusia secara fitrahnya suka dan menggemari keindahan sesuai dengan fitrah kejadiannya yang indah dan sempurna. Keindahan ini menurut Muhammad Haji Salleh bersifat positif dan baik untuk pengarang dan khalayak serta membantu manusia lebih nyaman dan lebih manusiawi (Muhammad Haji Salleh,2000:234-235). Khalayak pembaca yang berhadapan dengan karya merupakan manusia yang menggemari keindahan. Keindahan dalam apa bentuk dan sifat dicintai oleh manusia tidak sekadar untuk memenuhi keinginannya yang menginginkan sesuatu yang indah, tetapi keindahan itu sebenarnya menjadi pendorong yang memandu gerak geri dan ilham manusia untuk bertingkah laku dengan tingkah laku yang baik-baik dan mulia.

Estetik merupakan satu-satunya unsur yang mengungguli dan menzahirkan makna keindahan. Dalam teks kesusasteraan unsur estetik terungkap dalam bahasa yang digunakan dan perutusan atau mesej yang hadir secara tersirat. Bahasa tampak indah dan menarik perhatian pembaca kepadanya kerana kemagnetikan estetiknya. Unsur estetik inilah juga meruntun inti kesusasteraan. Teks kesusasteraan memiliki keserasian dengan ciri-ciri keadaman yang dapat menjelaskan dan mendeskripsi makna keindahannya. Selain itu, perutusan atau mesej dilihat sebagai keindahan dalaman yang dilihat secara terkait dengan fungsi-fungsi kerohanian dan realiti.

### **Ciri-Ciri Keadaman Teks Kesusasteraan**

Berasaskan pada keterangan tentang proses ciptaan Adam, dapat difahami kedudukan Adam sebagai sumber yang mempunyai autoriti untuk memahami makna keindahan di alam manifestasi. Adam a.s. sebagai makhluk ciptaan Allah SWT yang paling indah atau sempurna itu mempunyai ciri-ciri tertentu yang dapat menerangkan kesempurnaan sifat indahnya penciptaan sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1:** Ciri-ciri Yang Melengkapkan Sifat Indah penciptaan Manusia Sebagai Khalifah di Muka Bumi

Asas	Ciri	Deskripsi
Hasil/ ciptaan	Diciptakan	Pencipta (Allah SWT)
Unsur	Ketuhanan Kenabian Kemanusiaan	Roh Pemimpin/khalifah di muka bumi Akal, nafsu
Proses kejadian	Kesepaduan	Unsur fizikal dan dalaman: 1) Tanah 2) Roh
Fungsi	Perkaitan	Berkait dengan tujuan penciptaannya: 1) Abdikan diri/sembah Allah 2) Realiti kewujudan alam dunia  Kenabian: 1) menyampaikan perutusan Allah

Mengamati ciri-ciri yang menzahirkan sifat indah nabi Adam itu, maka dapat dilihat dan dikesan keserasiannya (padanannya) dengan sifat dan fungsi teks kesusasteraan sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 2;

**Jadual 2:** Ciri dan fungsi Teks Kesusasteraan

Asas	Ciri	Deskripsi
Hasil/ ciptaan	Diciptakan	Pengarang/Penulis/Penyair
Unsur	Agama keduniaan Kemanusiaan	ketuhanan hal-hal kemasyarakatan pemikiran,nilai-nilai
Proses kejadian	Kesepaduan	Unsur fizikal dan dalaman: 1) gaya bahasa/bentuk/teknik 2) idea/permikiran
Fungsi	Perkaitan	Berkait dengan tujuan penciptaannya: 1) Fungsi kreatif seniman 2) Fungsi kesasteraan  1) menyampaikan perutusan /mesej

Nabi Adam a.s. dalam konteks pemahaman ini bukan sekadar makhluk manusia berilmu dan berfikiran yang paling sempurna ciptaan Allah SWT, tetapi nabi Adam a.s. juga dapat diambil daripadanya suatu rujukan bagi memahami erti keindahan dari sudut unsur dan proses penciptaan serta perkaitan penciptaannya dengan fungsi yang ditetapkan Allah menjadi khalifah di muka bumi. Memahami dan mengamati proses ciptaan Adam a.s., ini maka tergambar suatu kesepaduan proses yang dapat memahamkan makna keindahan. Dengan kata lain, untuk memahami makna keindahan maka kita boleh sahaja merujuk indikasinya pada proses kejadian manusia pertama ini. Keindahan dalam keadaan ini menampakkan dua asas kezahirannya iaitu **(1) kesepaduan** dan **(2) perkaitan**.

Teks kesusasteraan yang dihasilkan pengarang juga memiliki ciri-ciri dan fungsinya sejajar dengan ciri-ciri dan fungsi manusia itu. Oleh itu dapat dikatakan, teks kesusasteraan adalah sebuah manifestasi keindahan kejadian makhluk manusia serta mengandungi ciri-ciri *kekhalifahan* yang

menjelma di hadapan khalayak dengan tugas menyampaikan perutusan-perutusan agama kepada manusia dengan sifat dirinya yang indah pula. Teks kesusasteraan juga teradun proses kejadiannya berasaskan kesepadan pelbagai unsur seperti pemikiran bahasa, idea, teknik dan sebagainya. Pengarang tidak menghadirkan karya dengan kosong makna, melainkan berkait dengan tujuan untuk menyampaikan pemikiran dan mesejnya agar sampai kepada khalayak. Di sinilah terzahirnya konsep *kesepadan* dan *perkaitan* dalam penciptaan sesebuah karya kesusasteraan, sebagaimana proses penciptaan manusia dan perkaitannya dengan tugas kekhilafahan di atas muka bumi.

## PRINSIP KESEPADUAN

Kesepadan adalah proses yang dapat menunjukkan pertalian hubungan unsur-unsur tekstual yang membina makna teks. Aspek yang bersepada meliputi unsur dalaman (idea/ pemikiran dan perutusan/mesej) dan unsur-unsur lahiriah teks (bahasa, bentuk, teknik, struktur). Memahami makna teks daripada sudut kesepadan ini seajar dengan pandangan al-Faruqi yang menjelaskan, sifat kesusasteraan Islam tergambar dalam gabungan isi kandungan yang luhur dengan bentuk yang luhur (Mohd Affandi Hassan, 1992:13). Bererti, keindahan tidak berupaya menampilkan sifatnya secara ‘solo’ tanpa mengambilkira persoalan perutusan yang terkandung di dalam teks. Keindahan dalam konteks ini tidak bersifat autonomus, sebaliknya bersepada dengan aspek lain seperti bentuk, bahasa dan perutusan untuk menampilkan sifat indahnya yang menyeluruh itu. Al-Ghazali menyebutkan, keindahan alam semula jadi merumuskan bahawa Tuhan yang menciptakannya adalah Tuhan yang indah (Hamidah Abdul Hamid, 1995:25). Keindahan alam tidak wujud sendiri dan tidak bersifat autonomus melainkan berkait langsung dengan sifat indah Tuhan.

Salah satu manifestasi keindahan Allah S.W.T. ialah keindahan pada bahasa al-Quran yang mengandungi pokok pengajaran Islam dalam aspek kehidupan manusia yang meliputi bidang akidah, syariat dan akhlak. Al-Quran yang memiliki keindahan pada bahasa dan isi itu diturunkan kepada manusia untuk dijadikan petunjuk kehidupan di dunia dan di akhirat menerusi pelbagai gaya kiasan yang indah sesuai dengan fitrah kejadiannya. Firman Allah S.W.T. bermaksud;

*‘Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan (iaitu) kitab yang serupa (keindahan ayat-ayatnya) lagi didua-duakan (diulang-ulang membacanya) oleh kerananya menggeletar kulit orang-orang yang takut kepada Tuhannya, kemudian menjadi lembut kulit dan hati mereka untuk mengingati Allah. (Kitab) itulah petunjuk Allah, dia tunjukki dengan siapa yang kehendaki-Nya. Dan dengan siapa yang disesatkan Allah, maka tidak adalah baginya orang yang menunjukki’ (Surah Az-Zumar, Ayat 23)*

Daripada sudut aqidah, estetik bahasa al-Quran adalah suatu bentuk estetik manifestasi Allah S.W.T. yang menyampaikan peringatan-peringatan dengan gaya yang indah berhikmah. Terdapat kisah-kisah sejarah di dalam al-Quran, tetapi bukannya kisah-kisah yang bersifat nostalgik. Ianya merupakan kisah-kisah yang mendukung makna untuk kehidupan manusia sepanjang zaman. Mahmud Yunus (1983), menyebutkan kisah-kisah di dalam al-Quran bukan seperti cerita-cerita biasa melainkan untuk mengambil iktibar dan pengajaran dari sejarah umat terdahulu.

Jelasnya, bahasa yang indah (elok) tidak hanya menampakkan keindahan harfiah struktur bahasa itu, tetapi juga memperlihatkan keindahan dalam perutusan agama yang bersumber daripada salah satu manifestasi keindahan Allah S.W.T. Abu Hassan Abdul (2007) dalam kajian di peringkat ijazah doktor falsafah menggunakan sandaran agama dalam kerangka strategik *retorik Melayu*. Beliau memanfaatkan unsur-unsur bahasa dalam bidang retorik Barat dengan strategik retorik al-Quran untuk menjelaskan strategik retorik Melayu menerusi model *Retorik Peluasan* yang dibina bagi menganalisis strategik retorik dalam karya Hamka dan Shahnon Ahmad. Kerangka Strategik *Retorik Peluasan* yang menggabungkan Strategik al-Quran, Barat dan Melayu menunjukkan konsep keindahan yang terbina dalam karya kesusasteraan tidak bergantung hanya kepada satu elemen retorik. Malah Abu Hassan

membuktikan strategi retorik dalam karya sastera Melayu perlu disepadukan dengan strategi retorik yang berpandukan al-Quran (Islam).

Berbeza dengan konsep estetik Barat yang dibicarakan dalam disiplin estetika moden yang hanya mementingkan konsep estetika berasaskan kualiti estetik semata-mata. Kualiti estetik yang dimaksudkan ialah kualiti yang dialami oleh pembaca/penonton ataupun disebut kualiti subjektif (Sohaimi Abdul Aziz,1998:27). Kefahaman terhadap konsep keindahan dalam era estetik moden berbeza dengan kefahaman terhadap konsep tersebut pada peringkat awal. Perkembangan baharu dalam abad ke-18 juga menyaksikan perubahan pada tanggapan ahli teori estetik dan bidang tumpuannya. Menurut McCormick (dalam Sohaimi Abdul Aziz,1998) tumpuan penilaian estetik beralih daripada objek kepada subjek dengan penjurusan yang lebih spesifik aspek sikap estetik, kesedaran estetik, ketidakpentingan, persepsi estetik dan kesedaran estetik. Daripada perspektif ini, teori keindahan dan teori estetik tidak lagi sama, sebaliknya mendukung kefahaman dan ruang tumpuan penilaian yang berbeza, meskipun kedua-duanya masih sama terkelompok dalam bidang falsafah.

Pemencilan aspek keindahan daripada aspek keagamaan amat ketara dalam falsafah estetik Barat. Ini dapat dilihat pada idea-idea ahli falsafah Scott David Hume (1711-1776) dan ahli falsafah Jerman Immanuel Kant (1724-1804) yang lebih memberi perhatian pada persoalan *taste* (rasa) dalam memahami estetik seni. Al-Ghazali (Dalam Hamidah Abdul Hamid, 1995) menyifatkan keindahan yang tidak ada hubungannya dengan Tuhan adalah fenomena imaginasi yang tidak benar. Pernyataan al-Ghazali ini bertepatan dengan maksud hadis Rasulullah;

*‘sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa paras, sebaliknya melihat kepada hati dan budi pekertimu’*

Dengan peralihan kasus penilaian estetik daripada objek kepada subjek, menjelaskan lagi penolakan ahli teori estetik moden Barat terhadap peranan objek sebagai sumber estetika. Tanggapan ini berbeza dengan pandangan al-Ghazali yang percaya bahawa setiap objek atau fenomena mempunyai ciri-ciri keindahannya yang tersendiri (Hamidah Abdul Hamid,1995:29). Malah, al-Ghazali menghubungkan keindahan objek ini dengan kualiti dalaman manusia yang mencipta objek-objek tersebut. Alam semulajadi juga merupakan objek yang memiliki nilai keindahan.

Dalam konteks agama Islam, keindahan alam semulajadi adalah suatu refleksi dan manifestasi keindahan Allah S.W.T. yang menciptanya (keindahan). Keindahan yang hadir pada objek atau dipersepsi oleh subjek tidak dapat dipisahkan hubungannya dengan Tuhan. Hubungan inilah menjadi asas kepada konsep *Estetika Bersepadan* dalam mengkonsepsi keindahan yang bermakna di sisi agama. Dengan kata lain, nilai estetika tidak lagi bermakna apabila terpisah atau terputusnya hubungan nilai estetika dengan nilai-nilai keagamaan.

Keindahan dalaman yang dimaksudkan oleh al-Ghazali ialah keindahan yang *tersirat*, yang wujud dalam bentuk abstrak. Keindahan ini memerlukan kaedah pengapresiasi yang dapat menembusi ruang transendental dengan menghubungkan maklumat dalam bentuk nyata dengan maklumat dalam bentuk abstrak. Islam memberi keutamaan yang lebih kepada aspek keindahan yang tersirat berbanding keindahan yang tersurat. Rupa paras, warna kulit dan kekayaan bukannya indeks yang menentukan tahap keindahan pada diri seseorang, sebaliknya, nilai-nilai peribadi dan akhlak menjadi indeks yang lebih diutamakan.

Dari sudut ini, konsep keindahan dari perspektif Islam juga membawa maksud kebaikan dan keelokan. Keindahan, kebaikan dan keelokan seumpama ini dijelaskan oleh al-Ghazali sebagai bersumberkan kepada sifat Tuhan dan keindahan atau kebaikan dalaman itu tadi memimpin para seniman kepada kasih dan sayangnya kepada Tuhan (Hamidah Abdul Hamid,1995:30). Keindahan atau kebaikan dalaman ini dianggap oleh al-Ghazali sebagai keindahan yang sebenar. Demikian sabda Rasulullah S.A.W. dalam sebuah hadisnya yang bermaksud;

*‘Kebaikan itu ialah elok budi pekerti. Dan dosa itu ialah apa yang tergetar dalam diri engkau dan engkau benci bahawa dilihat oleh manusia kepadanya’*

(*Riwayat Al-Nawawi*. Dlm. Hadis 40,1992:304)

Imam al-Nawawi dalam syarahnya berkaitan hadis di atas menghubungkan kebaikan dengan kebijakan. Kebijakan ini tergambar dan terlaksana dalam dua hubungan iaitu hubungan manusia sesama manusia dan hubungan manusia dengan Allah S.W.T. Dalam konteks hubungan manusia dengan Allah S.W.T., kebijakan secara khususnya berkait dengan makna melaksanakan segala amal taat sama ada dari sudut zahir mahupun batin sesuai dengan ajaran Islam. Kedua-dua jenis kebijakan ini menurut al-Nawawi merupakan kebaikan dan kebaikan menurut Rasulullah S.A.W. pula ialah keelokan budi pekerti.

Keelokan budi pekerti bermaksud mengerjakan sesuatu yang ditentukan atau disukai atau yang sesuai dengan ibadat dan fikiran, tetapi tidak bertentangan dengan petunjuk agama (Mustafa `Abdul Rahman,1992:306). Penjelasan ini menunjukkan, Islam lebih mementingkan keindahan yang tersirat, tetapi tidak menolak keindahan yang tersurat selagi ianya tidak bertentangan dengan ajaran agama.

*Menurut Abdul Hadi W.M. (2000:338), Islam adalah agama yang penuh keterbukaan. Sudah lama unsur-unsur kebudayaan luar itu mendapat ruang dan bergerak bebas dalam tradisi Islam yang berteraskan tauhid. Tegas Abdul Hadi lagi; adap unsur-unsur yang membawa kepada syirik, nihilisme, pemujaan suatu kelas sosial, suku ayau ras tertentu, fetisyisme palsu, hedonisme material, pemutarbelit sejarah wahyu dan kenabian, pengingkaran terhadap hal-hal yang bersifat metafisis dan eksatologis, jelas tidak akan diterima.*

(*Abdul Hadi W.M.*,2000:338-339)

Pernyataan Abdul Hadi menunjukkan elemen-elemen daripada luar Islam masih boleh diterima pakai dengan syarat disepakukan dengan ajaran-ajaran pokok Islam yang berteraskan tauhid.

Berbeza dengan pandangan Aquinas yang membezakan kebaikan dengan keindahan. Menurut Aquinas, kebaikan berhubung dengan kehendak (desire) dan deria (sense) untuk menjelaki nilai ini ialah cita rasa seni (taste) dan bau (smell), manakala keindahan dikaitkan dengan sesuatu yang menggembirakan (Sohaimi Abdul Aziz,1998:29). Pandangan Aquinas ini menjadi asas estetik moden yang memisahkan bukan sahaja nilai keindahan dengan kebaikan, tetapi juga dengan nilai yang lain.

## Keindahan Tersurat

Keindahan pada gaya bahasa tergambar dalam bentuk luaran pada unsur-unsur bahasa yang digunakan. Keindahan tersurat boleh dikatakan sebagai kualiti estetik yang terkesan pada penggunaan gaya bahasa. Gaya bahasa, khususnya gaya bahasa ketaklangsungan makna mencerminkan secara mekanis salah satu jenis kualiti dan kuantiti estetik dalaman sesuatu teks kesusasteraan. Kualiti estetik dapat ditanggapi dan dipersepsi pada kesan yang dihasilkan oleh kesepadan sejumlah kuantiti gaya bahasa. Kuantiti gaya bahasa dapat dirujuk pada unsur-unsur tertentu yang mewakili jenis bahasa yang digayakan, seperti gaya perbandingan, gaya kiasan, gaya pengorangan, metafora, alusi dan lain-lain lagi.

Islam meletakkan daya kreativiti manusia berlandaskan agama sebagai sumber yang mendarangkan makna. Penyair terkait dalam soal kewujudan makna keindahan daripada sudut penglahiran pemikiran yang mengunjurkan perutusan dan perutusan ini pula mengesankan pengajaran agama. Penyair adalah pihak yang terlibat secara langsung dalam perkaitan ini. Oleh kerana itu, keperibadian penyair semestinya menjadi latar pewarian sumber keindahan dalam aspek pemikiran dan perutusan.

Namun begitu, daya kreativiti itu tidak bersifat autonomus, sebaliknya berkait secara tuntas dengan ketentuan Tuhan. Bermakna, setiap perlakuan manusia, termasuk penyair (dalam kerja-kerja

penulisan) tidak terelak daripada bersandar kepada agama, kerana penentuan akhir atas apa yang ditulis dan difikirkan oleh penulis terangkum dalam qada dan takdir Tuhan juga. Manusia melakukan sesuatu dengan pilihannya, potensi kreatifnya dan ketentuan (takdir) Allah S.W.T.

Keindahan *tersurat* menampilkan unsur-unsur atau nilai keindahan yang umum, yakni yang boleh dipandang, dibaca dan diukur secara mekanis. Keindahan ini merupakan keindahan yang paling asas dan universal sifatnya. Ia merupakan peringkat keindahan paling rendah. Dalam karya puisi, keindahan tersurat dapat dipersepsi dan dihuraikan berdasarkan makna tidak langsung menerusi gaya bahasa yang digunakan. Gaya bahasa merupakan unsur asas penting yang menampilkan raut wajah luaran bahasa puisi yang indah dan dapat mendorong fikiran dan minat pembaca menerokai ruang abstraksi dan menikmati keindahan karya. Menurut Goethe (dlm. Rahman Shaari, 1992) gaya bahasa merupakan prinsip karya yang tertinggi dan aktif, dan engannya penulis dapat menembusi dan membuka bentuk dalam subjeknya. Pandangan Goethe menggambarkan, aspek gaya bahasa menunjangi kekuatan sesebuah karya.

Meskipun Goethe berpendapat bahawa gaya bahasa merupakan prinsip terpenting dan tertinggi dan aktif namun, dalam kajian ini ketinggian gaya bahasa tidak semata-semata berdiri atas sifatnya, tetapi berpadu erat dengan pemikiran dan perutusan. Keindahan gaya bahasa bentuk tersurat ditandai dengan kehadiran unsur-unsur gaya kiasan dalam terkelompok dalam gaya *ketaklangsungan makna*. Daripada gaya kiasan inilah, pemikiran penyair dan perutusan dapat dipersepsi dan ditafsirkan. Keindahan yang terkesan pada penggunaan gaya bahasa kiasan menggambarkan idea atau gagasan pemikiran penyair itu sendiri kerana pemilihan gaya yang menimbulkan kesan keindahan itu dibuat atas kesedaran estetiknya. Kerana itulah, keindahan yang tergambar bukan setakat pada gaya tetapi jauh menjelak dasar pemikiran penyair.

## PRINSIP PERKAITAN

Manusia diciptakan Allah SWT atas maksud untuk dijadikan khalifah di muka bumi. Dengan maksud ini bermakna manusia perlu melaksanakan tugas kerasulannya yakni menyampaikan perutusan Allah kepada manusia di dunia. Penciptaan manusia tidak tamat dengan zahirnya nabi Adam a.s. yang dimasukkan ke dalam ruang fizikal tubuhnya roh, tetapi berkait secara langsung dengan tugas kerasulan dan kekhalifahan. Hal ini berkait dengan Firman Allah :30, Surah *al Baqarah* yang bermaksud;

*Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat, “Aku hendak menjadikan khalifah di bumi. Mereka berkata, “apakah engkau hendak menjadikan orang orang yang merusakkan dan menumpahkan darah di sana, sedangkan kami bertasbih memuji dan mensucikan nama-Mu”. Dia berfirman, “sesungguhnya Aku mengetahui apa yang kamu tidak ketahui”*

Tugas sebagai khalifah adalah suatu kebenaran di sisi agama dan berkait dengan realiti dunia tempat nmanusia itu dipertanggungjawabkan amanah.

Referensi perkaitan ini secara perbandingannya dapat dikiaskan dengan fungsi teks kesusasteraan. Teks kesusasteraan dihasilkan pengarang bukan untuk menampilkan nilai-nilai kesasteraan semata-mata, sebaliknya terkait dengan peranannya membawa idea/pemikiran pengarang kepada pembaca. Justeru, teks kesusasteraan membawa bersamanya suatu perutusan daripada `pencipta` (pengarang) dengan tujuan agar perutusan itu memberi manfaat kepada kesejahteraan kehidupan manusia.


Ciri-ciri dan fungsi teks kesusasteraan menepati ciri-ciri dan fungsi manusia yang diciptakan Allah. Ciri dan fungsi manusia tergambar secara jelas dalam fungsi dan ciri sesebuah teks kesusasteraan. Kehadiran ciri dan fungsi ini juga dapat diistilahkan sebagai **keadaman**. **Keadaman** teks kesusasteraan bermaksud teks kesusasteraan memiliki sifat dan fungsi yang menyamai sifat dan fungsi manusia pertama iaitu nabi Adam a.s. sebagai khalifah Allah di muka bumi. sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3;

Jadual 3: Ciri Keadaman Teks Kesusasteraan

Asas	Ciri	Deskripsi
Hasil/ ciptaan	Diciptakan	Pengarang/Penulis/Penyair
Unsur	Agama keduniaan Kemanusiaan	ketuhanan hal-hal kemasyarakatan pemikiran,nilai-nilai
Proses kejadian	Kesepaduan	Unsur fizikal dan dalaman: 3) gaya bahasa/bentuk/teknik 4) idea/permikiran
Fungsi	Perkaitan	Berkait dengan tujuan penciptaannya: 3) Fungsi kreatif seniman 4) Fungsi kesasteraan 2) menyampaikan perutusan/ mesej

Adam a.s. dalam konteks pemahaman ini bukan sekadar makhluk manusia berilmu dan berfikiran yang paling sempurna ciptaan Allah SWT, tetapi Adam juga dapat diambil daripadanya suatu rujukan bagi memahami erti keindahan daripada sudut unsur dan proses penciptaan serta perkaitan penciptaannya dengan fungsi yang ditetapkan Allah untuk menjadi khalifah di muka bumi. Memahami dan mengamati proses ciptaan Adam a.s., ini maka tergambar suatu kesepaduan proses yang dapat memahamkan makna keindahan. Dengan kata lain, untuk memahami makna keindahan maka kita indikasinya paling sesuai dirujuk pada proses kejadian Adam a.s. seperti mana yang ditunjukkan dalam Rajah 1;

**Rajah 1:** Penciptaan manusia pertama menerusi proses kesepaduan dan perkaitannya dengan Kerangan al-Quran serta Realiti



### Karya Kesusteraan Manifestasi Fungsi Manusia

Karya sastera dan kesusteraan adalah sebuah manifestasi seorang manusia yang mendukung dan menzahirkan semua fungsi sastera dan kesusteraan. Dari sudut pengertiannya, karya kesusteraan merupakan hasil seni yang indah baik dari sudut luaran dan dalamannya, karya seni kesusteraan memberi kenampakan sifatnya yang indah dan mendatangkan keindahan. Malah, keindahan dalam konteks hubungan seni sastera dengan Islam ini menurut Mohd Kamal Hassan (1981), berkisar kepada

tiga perkara pokok, iaitu keindahan Islam memancar keindahan al-Khaliq (Allah) menerusi keelokan ciptaan-Nya di langit dan di bumi.

Selanjutnya Mohd Kamal Hassan menegaskan tentang persoalan tanggungjawab manusia sebagai makhluk seni. Menurut Mohd Kamal Hassan, sebagai *the comeliest specimen of God's handiwork* dan sebagai hamba (abd) Allah S.W.T, insan ditugaskan oleh Pencipta dan Pentadbir-Nya supaya berfikir, berkata, berbuat dan berkarya sesuai dengan statusnya yang amat tinggi – iaitu selaku wakil (khalifah, vicegerent) Allah di bumi (Mohd Kamal Hassan, 1981:41).

Dalam konteks yang lebih luas dan menyeluruh, karya kesusasteraan termasuk pengarang (yang menghasilkan/mencipta karya tersebut) dihadirkan ke tengah masyarakat bukan sekadar untuk memenuhi citra keindahan luaran dan dalamannya sahaja, tetapi turut mendukung tanggungjawab membawa perutusan atau amanah Allah SWT kepada manusia seluruhnya.

Demikianlah karya kesusasteraan dengan sifatnya sebagai seorang manusia yang terletak pada bahunya tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi ini. Jelasnya, manusia tidak diciptakan dan dizahirkan serta dihadirkan di muka bumi dengan kekosongan makna, sebaliknya berkait langsung dengan realiti kebertanggungjawaban sepetimana yang ditetapkan Allah di dalam al-Quran iaitu menjadi khalifah diu muka bumi ini.

Untuk melaksanakan tugasnya sebagai khalifah yang bertanggungjawab membawa syariat dan perutusan Allah, manusia bukan sahaja dilengkappan dengan bentuk fizikalnya yang indah dan dimasukkan Roh dari sisi Tuhan yang bersifat dengan Zat Keindahan, tetapi juga dibekalkan akal dan ilmu pengetahuan. Semua unsur ini bersepdu dalam suatu proses penciptaan yang maha hebat dan terindah oleh Sang Pencipta.

Demikianlah juga karya kesusasteraan yang tercipta daripada proses kesepaduan pelbagai aspek luaran dan dalaman oleh sang pengarang yang akhirnya mencitrakan keindahan dari sudut luaran dan dalamannya serta mendukung visi serta melaksanakan misi menyampaikan perutusan sang pengarang kepada masyarakat.

Cakupan aspek luaran karya seperti bentuk, struktur, bahasa, teknik dan sudut pandangan boleh dilihat secara materi sebagai unsur yang menampakkan keindahan. Dalam bentuk luarannya karya kesusasteraan dengan sendirinya berbeza dengan karya-karya lain. Jelasnya, karya kesusasteraan memiliki daya fizikal yang unik dan tersendiri.

Bahasa yang digunakan adalah bahasa yang indah dan khusus. Penggunaan pelbagai unsur gaya, peribahasa, pemilihan kata yang terbaik dan susunan baris yang rapi, struktur ayat yang puitis dan kesan nada bunyi yang berirama dan gramatis. Kerana itu, bahasa kesusasteraan terlihat dan terkesan sifat keluarbiasaannya berbanding dengan bahasa yang digunakan dalam karya nonsastera. struktur bentuknya pula unik sama ada karya itu tersusun dalam bentuk rangkap atau dialog ataupun deskriptif. Ada kenampakan elemen kreatif yang boleh disedari secara lahir.

Dari segi teknik pula karya kesusasteraan diolah dengan pelbagai teknik menarik yang dapat menggerakkan cerita pada alur cerita yang betul dan logik, tidak bersifat terlalu fantasi dan tidak melampaui batas-batas agamawi. Dari sudut teknik penceritaan, karya kesusasteraan juga persis seorang manusia yang bijak dan kreatif menyampai buah fikirnya. Pelbagai cara boleh digunakan seperti dialog, monolog, interio monolog, penceritaan, penerangan, teknik plot dan sebagainya. Aspek-aspek ini adalah aspek lahir yang boleh dilihat oleh pancaindera secara tersurat dan dipersepsi serta di apresiasi secara tersirat akan keindahan dan dapat dirasa kesan estetiknya. Dengan kata lain, pada sifat fizikal lahiriah karya kesusasteraan itu sudah dapat dinikmati kesan keindahan oleh pembaca sebagai satu objek seni yang bernilai estetik. Manakala pada sidat instrinsiknya pula, dapat pula dinikmati kesan keindahan sebagai satu sumber seni dalaman yang juga bernilai estetik.

### **Manusia Makhluk Pencontohan**

Rasul-Rasul adalah manusia terbaik pilihan Allah SWT yang diberi tanggungjawab sebagai penyampai wahyu. Pembawa perutusan daripada Allah SWT kepada umat manusia, menyampaikan berita gembira kepada manusia yang beriman dan berita buruk kepada manusia yang ingkar. Sebagai manusia terbaik

yang menjalankan amanah sebagai khalifah, Rasul-rasul dilengkapi dengan kelebihan-kelebihan oleh Allah SWT seperti ilmu pengetahuan, akhlak terpuji, mukjizat dan kelebihan-kelebihan tertentu yang pada sisi Allah SWT selayaknya untuk mereka.

Nabi Musa a.s. misalnya diberi kelebihan boleh berbicara langsung dengan Allah SWT di Bukit Tursina. Nabi Ibrahim a.s. tidak terbakar tatkala dibakar dalam bakaran api oleh Namrud. Nabi Muhammad SAW dimi'raj ke langit sehingga ke Sidratul Muntaha untuk menerima perintah solat lima waktu.

Rasul-Rasul juga adalah manusia yang mulia dan terpuji. Kemuliaan Rasul telah disebut dalam pengisian penciptaan nabi Adam a.s. Setelah Allah SWT menciptakan nabi Adam a.s., maka diperintahkan para malaikat untuk sujud kepadanya (Adam a.s.) sebagai memuliakannya. Afif Abdullah (1989) yang merujuk pada maksud ayat 28-29 Surah:15 menyebutkan, Allah SWT telah memuliakan nabi Adam a.s. dengan tiga kemuliaan, iaitu;

- i. Allah SWT telah menjadikannya dengan `tangan`Nya
- ii. Allah SWT telah meniupkan Roh daripada-Nya
- iii. Allah SWT menyuruh malaikat sujud kepadanya (Adam a.s.)

Setiap daripada Rasul juga adalah contoh yang perlu diikuti oleh umatnya. Nabi Muhammad SAW disebut oleh Allah SWT sebagai manusia contoh terbaik yang pada dirinya disandarkan ganjaran memperolehi Rahmat Allah SWT. Firman Allah SWT dalam al-Quran, ayat 21, Surah *al-Ahzab*, bermaksud;

*`sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharapkan (Rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah`*

Pada diri Rasulullah SAW terpancar segala kebaikan yang bersifat sempurna dan indah, cantik dan elok terpuji. Malah, kelokan akhlak Rasulullah disebut oleh Saidatina Aisyah r.a. dalam satu riwayat tatkala ditanya oleh sahabat tentang akhlak Rasulullah. Saidatina Aisyah r.a. menjawab (maksudnya) bahawa al-Quran itulah akhlak Rasulullah. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

*`Aku diutuskan (Allah) hanyalah untuk menyempurnakan akhlak`*

Hal ini sejajar dengan firman Allah SWT dalam ayat 4, Surah *al-Qalam* yang bermaksud;

*`Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) mempunyai akhlak yang tinggi (mulia)`*.

Jelasnya, para Rasul merupakan manusia yang paling tepat dijadikan sumber pencontohan untuk memahami makna keindahan baik keindahan dari sudut sifat luarannya maupun dari sudut dalamannya (rohani). Hal ini menepati dengan firman Allah SWT dalam surah *at-Tiin*:4, yang menyebutkan bahawa sesungguhnya manusia adalah sebagai-baik kejadian;

*`sesungguhnya Kami ciptakan manusia dengan sebaik-baik bentuk`*.

(Surah *at-Tiin*:4)

Sebaik-baik kejadian membawa maksud penciptaan yang sempurna, rupa bentuk yang indah, cantik, elok dan dihiasi dengan akhlak yang terbaik dan menjadi contoh tauladan terbaik untuk umat manusia dan seluruh alam. Allah SWT berfirman dalam Surah *al-Anbiya*':107, bermaksud;

‘Tidaklah Kami mengutuskanmu, melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam’.

Selain Rasul dan nabi-nabi, gambaran keindahan pada diri manusia ini juga dapat dirujuk pada para sahabat nabi, isteri-isteri nabi, tabiin, pewaris nabi, para alim ulama hingga kepada tokoh-tokoh tertentu yang diakui sebagai mulia dan terbaik akhlak dan fizikalnya. Termasuklah kaum wanita yang nama dan peranan mereka dirakam dalam al-Quran dan sirah Rasulullah SAW.

Tokoh-tokoh wanita Islam yang ditampilkan dalam al-Quran dan hadis seperti isteri-isteri para Rasul bukan sekadar penampilan watak-watak pelengkap kehidupan para Rasul, tetapi mereka juga adalah contoh terbaik yang daripadanya terdapat perutusan dan pengajaran yang ingin disampaikan kepada seluruh umat wanita, baik pengajaran yang bersifat suruhan maupun larangan. Daripada perwatakan mereka dapat ditelusuri puitika islami yang paling sesuai dicontohi. Misalnya Siti Hajar isteri nabi Ibrahim, Siti Khadijah dan Saidatina Aisyah isteri-isteri nabi Muhammad SAW. Demikian juga dengan tokoh-tokoh wanita yang hidup pada zaman nabi Muhammad SAW seperti puteri Baginda Rasul iaitu Fatimah Az-Zahrah, Halimahtu Sa'diah, Asma' bt Abu Bakar, Ummu Salamah dan lain-lain. Tokoh-tokoh wanita seperti ini menjadi model dalam membentuk sebuah generasi yang cemerlang (Ida Roziana Abdullah dan Abdul Halim Ali, 2019:48).

Demikiannya manusia yang dijadikan khalifah di atas muka bumi yang berfungsi menyampaikan perutusan Allah diletakkan dan diperhiaskan pada diri manusia itu akhlak yang baik yang boleh menjadi pencontoh kepada seluruh alam. Daripada manusia juga terdapat pencontohan yang tidak baik yang boleh dirujuk untuk dijadikan sempadan kehidupan agar tidak mencontohi sifat dan perlakuan yang buruk seperti Qabil, Firaun, Namrud, Qorun, Haman, kaum kafir Qurais, pembesar-pembesar Mekah seperti Abu Jahal, Abu Lahab dan lain-lain lagi. Sepanjang zaman, manusia tetap menjadi watak terpenting sebagai ikutan, contoh tauladan terbaik yang dilengkapi atau dihiasi dengan sifat-sifat terbaik dan sempurna kejadiannya.

### Karya Kesusasteraan Mendukung Perutusan

Karya kesusasteraan tidak hadir dengan kekosongan makna. Pengarang, khususnya pengarang Muslim mengisi di dalam karyanya perutusan yang ingin disampaikan. Pengarang muslim memilik keperibadi Islam dan terpundak di atas bahunya tanggungjawab menyampaikan kepada pembaca dan masyarakat kebaikan-kebaikan dan kebenaran. Karya yang dihasilkan hendaklah diseajarkan dengan tanggungjawabnya dan sejajar pula dengan cara hidup dalma bersastera. Ahmad J. Husien (1982) menyebutkan bahawa peribadi seseorang penyair yang mengaku dirinya Islam harus juga mengikut cara hidup Islam dalam kegiatan sasteranya. Hasil penulisan penyair yang memiliki peribadi yang sedemikian, sesungguhnya menyerlahkan keagungan Tuhan dan RahmatNya.

Shafie Abu Bakar (1997) menyebutkan bahawa sang seniman adalah manusia yang sedar tentang tugas dan peranan kemuслиannya dalam kesusasteraan. Penulis Islam akan sentiasa berusaha memperbaiki karyanya supaya dapat membawa kesedaran pembaca kepada Allah. Shahnon Ahmad (1981) memperjelaskan peranan sastera, iaitu sastera kerana Allah dan berhikmah kepada manusia. Jadi, pengarang muslim tidak dapat tidak berkewajipan menyampaikan perutusan kepada pembaca dalam karyanya, sebagaimana persis tugas para Rasul yang menjadi makhluk pilihan Allah untuk menjadi khalifah membawa perutusan Allah untuk umat manusia di muka bumi.

Perutusan adalah mesej atau pesanan (berupaya perkara kebaikan dan perkara keburukan) yang mesti disampaikan kepada pembaca. Perutusan bersepada di dalam teks bersama idea dan pemikiran pengarang. Idea dan pemikiran inilah yang menghidupkan semua unsur fizikal teks. Unsur fizikal pula seumpama alatan (tools) yang mengenderaani perutusan agar sampai kepada destinasi pembaca. Juga

sebagaimana roh yang ditiupkan ke dalam jazad Adam a.s. yang akhirnya menhidupkan fizikal Adam a.s. dalam bentuk tanah menjadi manusia yang hidup dan bernyawa.

Perutusan adalah `roh` yang menghidupkan teks. Tanpa perutusan, teks kesusasteraan kekal dengan sifat fizikalnya yang kaku dan tidak bernyawa. Keberadaan dan signifikasi teks di sisi pembaca bergantung pada kekuatan kesepadan unsur tersurat dan tersirat teks itu. Kesepadan ini lebih bermakna kerana ia berlaku dalam kerangka ketentuan pengarang yang sedar hakikat insan yang dipertanggungjawabkan oleh Allah dalam semua urusan, termasuk urusan bersastera.

Pengarang juga adalah manusia yang dibekalkan dengan akal. Dengan akal itu, pengarang dapat meneroka ilmu sebagai sumber pengetahuannya. Salah satu unsur yang membezakan Adam a.s. dengan makhluk lain ialah ilmu. Dengan ilmu itulah yang telah melayakkan Adam a.s. dipilih menjadi khalifah di muka bumi dan dilebihkan darjatnya berbanding dengan malaikat dan makhluk lain. Mohd Affandi Hassan (1992), menyebutkan, ilmu menjadikan manusia kenal akan ‘kebenaran’ (dalam konteks Islam, iaitu hakikat Pencipta dan kejadian manusia sebagai Insan).

Sebagaimana tugas manusia menyampaikan perutusan Sang Pencipta (Allah) kepada seluruh makhlauknya, teks kesusasteraan dapat pula diasosiasikan sebagai wahana yang mendukung perutusan sang pengarang kepada seluruh pembaca. Kerana itu, teks kesusasteraan dengan sifat keadamannya memainkan fungsinya menyampaikan perutusan, kritikan, pedoman hidup dan mesej agar manusia sentiasa berada dalam kesedaran terhadap hakikat kehidupannya.

## KEPERIBADIAN ESTETIK PENGARANG

Pengalaman estetika pengarang merupakan salah satu aspek penting yang yang mencitrakan keindahan, selain daripada kesepadan, perkaitan dan keadaman. Kekuatan pemikiran pengarang terhadap makna keindahan yang membentuk keperibadian estetik dirinya adalah satu indikator penting yang memahamkan kepada pembaca tentang kesedaran ikhlas pengarang terhadap persoalan estetik. Keperibadian estetik seseorang penyair mempunyai kesan langsung terhadap keindahan teks dan juga keindahan dalam `roh`nya menjalankan tugas kekhilafahan dalam lapangan kesusasteraan.

Ini bererti, keindahan tidak boleh dipisahkan daripada kreativiti, pandangan jiwa dan sikap estetik penyair itu sendiri. Susur galur yang menjelaskan punca bermulanya cetusan, letusan dan sebaran keindahan itu perlu difahami, agar konsep keindahan dalam teks tidak terpisah daripada faktor sebab musababnya. Inilah salah satu teras perkaitan yang menunjangi prinsip *Esterika Bersepadu*. Oleh itu, untuk memahami susur galur keindahan dalam sesebuah teks puisi yang dikaji, maka keperibadian estetik penyair perlu diteliti dan difahami supaya susur yang membuka ruang keindahan dalam puisi-puisinya jelas akar perdunya.

Dapat dikatakan, keperibadian estetik penyair merupakan salah satu asas penting yang melatari pengolahan, pemikiran dan sikap pengarang yang mempengaruhi secara berkesan tujuan kepengarangannya dalam menyampaikan perutusan. Ahmad J. Husien (1982) menyebutkan bahawa peribadi seseorang pengarang yang mengaku dirinya Islam harus juga mengikut cara hidup Islam dalam kegiatan sasteranya. Hasil penulisan penyair yang memiliki peribadi yang sedemikian, sesungguhnya menyerlahkan keagungan Tuhan dan Rahmat-Nya.

Pernyataan Ahmad J Husien ini memberi penjelasan bahawa teks kesusasteraan Islam yang dihasilkan oleh pengarang Islam tidak berhasil daripada kekosongan peribadi muslimnya. Jelasnya, sesebuah teks yang dihasilkan berkait langsung dengan keperibadian pengarang. Persoalan keperibadian pengarang adalah persoalan yang menyentuh aspek integriti, kebertanggungjawaban, keaslian dan juga soal dosa pahala. Kerana itu, keperibadian, termasuk aspek keindahan adalah asas penting yang mendasari makna dan keindahan teks. Shafie Abu Bakar (1997) menyebutkan, bahawa sang seniman adalah manusia yang sedar tentang tugas dan peranan kemuslimannya dalam kesusasteraan. Penulis Islam akan sentiasa berusaha memperbaiki karyanya supaya dapat membawa kesedaran pembaca kepada Allah. Shahnon Ahmad (1981) memperjelaskan peranan sastera, iaitu sastera kerana Allah dan berhikmah kepada manusia.

Hubungan kesusasteraan, pengarang dengan masyarakat berkait secara langsung dengan Allah. Oleh kerana itu, perlakuan, peribadi dan akhlak pengarang terkait dalam kegiatan kreatifnya dengan tanggungjawab kepada masyarakat dan kepada Allah juga. Pandangan ini menolak idea *Formalisme* dan *Strukturalisme* dan juga para penteori era pascamoden Barat yang menolak peranan pengarang sebagai sumber makna teks. Lebih ekstrim, tokoh strukturalis Barat iaitu Roland Barthes mempopularkan konsep *the death of the author* (A. Halim Ali, 2018). Sedangkan dalam Islam manusia dalam apa juga peranan dan tugasnya bertanggungjawab atas setiap apa yang diusahakannya dan akan diperhitung daripada tugas dan tanggungjawabnya itu di hari Akhirat. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari maksudnya ada menyebutkan;

*Setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap kalian akan dimintai pertanggungjawabannya. Seorang imam adalah pemimpin dan akan dimintai pertanggungjawabannya. Seorang laki-laki adalah pemimpin atas keluarganya dan ia akan dimintai pertanggungjawabannya. Seorang wanita adalah pemimpin atas rumah suaminya, dan ia pun akan dimintai pertanggungjawabannya. Seorang budak juga pemimpin atas harta tuannya dan ia juga akan dimintai pertanggungjawabannya. Sungguh setiap kalian adalah pemimpin dan setiap kalian akan dimintai pertanggungjawabannya.*

(Hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari:  
Sumber: <https://risalahmuslim.id/setiap-kalian-adalah-pemimpin/>

Mohd Kamal Hassan (1980) menegaskan, sebarang *commitment* sasterawan kepada idealogi dan falsafah hidup selain daripada Islam seperti *humanisme* (sekular, kristian dan sosialis), materialisme dan *sosialisme*, *eksistensialisme*, *nihilisme* atau *saintisme* dengan sendirinya tidak melayakkan karya sastera itu digolong sebagai karya yang setia kepada nilai-nilai Islam. Jelasnya, tugas memahami makna teks tidak dapat dipisahkan daripada penelitian terhadap keperibadian pengarang.



**Rajah 2:** Keadaman Teks Kesusasteraan dan Hubungannya dengan Keperibadian estetik Pengarang

## RUMUSAN

Teks kesusasteraan dalam kerangka *Estetika Bersepadu* tidak hadir dalam bentuk estetik teks semata-mata, tetapi fungsinya menjangkau suatu ruang kehidupan manusia yang holistik sehingga meyentuh dan berpaut pada konsep keindahan hakiki. Fungsi ini dengan jelas dapat diamati, dihayati dan difahami berdasarkan proses penciptaan manusia pertama (Adama a.s.) yang bersifat kesepaduan unsur jasadi dan rohani serta fungsi penciptannya yang berkait langsung dengan keterangan-keterangan al-Quran dan realiti kehidupan manusia di atas muka bumi.

## RUJUKAN

- Al-Quran dan terjemahannya.*(1428 H). Cetakan Kerajaan Arab Saudi.
- A. Halim Ali (2018) *Inti Sati Teori Sastera Barat dan Malaysia*. Shah Alam: NHA Excell Resources.
- Abdul Hadi W.M. (2000). *Cakrawala estetik dan budaya*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Abdul Halim Ali (2010) Konsep estetika bersepadu: terapan dan analisis terhadap karya-karya puisi Ahmad Kamal Abdullah, *tesis ijazah doktor falsafah*, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdullah, I. R., & Ali, A. H. (2019). Terapan Konsep Feminisme Talbiah Dalam Cerpen Akar Cinta Karya Aminah Mokhtar . *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 46 - 85. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/27>
- Abu Hassan Abdul. (2007). `Strategi retorik dalam autobiografi melayu: Perbandingan karya hamka dengan shahnon ahmad. *Tesis doktor falsafah*. Kuala Lumpur. Uiversiti Malaya.
- Abul Fidaa' Ismail bin Katsir al-Quraisy (2004) *Kisah para nabi: Teladan bagi orang berakal*.(terjemahan). Kuala Lumpur: Darul Fajr Sdn. Bhd.
- Adib Bisri Musthofa. (1999). *Tarjamah shahih Muslim*. (Jilid 1). Kuala Lumpur: Penerbit Victory Agencie.
- Afif Abdullah. (1989). *Nabi-nabi dalam islam*. Klang: Klang Book Centre.
- Ahmad J. Hussien. (1992) `Gagasan puisi islam` . *Sarina*. Keluaran 78 September 1982.
- Hamidah Abdul Hamid. (1995). *Pengantar estetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Haron Din, et al. (1997). *Manusia dan Islam*. (Jld Dua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <https://risalahmuslim.id/setiap-kalian-adalah-pemimpin/>
- Mohd Affandi Hassan. (1992). *Pendidikan estetika daripada pendekatan tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Kamal Hassan. (1981). `Konsep keindahan dalam islam dan hubungannya dengan seni dan sastera` . *Jurnal islamiyyat*, Jilid 3/81, Bangi: Terbitan Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Muhammad Haji Salleh, (2000) *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahsa dan Pustaka.
- Mustafa `Abd Rahman. (1992). *Hadith 40: Terjemahan dan syarahan*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Rahman Shaari. (1993). *Memahami gaya bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. H. Nasr. (1989). *Falsafah kesusasteraan dan seni halus*. (terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafie Abu Bakar. (1997). `Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip` Dalam Mana Sikana (Pngr). Teori Sastera dan Budaya Dalam Kajian Akademik. Bangi: Terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahnon Ahmad. (1981). *Kesusasteraan dan etika islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Sohaimi Abdul Aziz. (1998). *Rasa-fenomenologi:Penerapannya terhadap karya A.Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.